

Notis Perlindungan Data

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, ("Akta") mengawal selia pemprosesan data peribadi di dalam transaksi komersil. Akta ini menghendaki Universiti Malaysia Sabah ("UMS") untuk memaklumkan kepada anda tentang data peribadi yang dikumpulkan daripada anda dan diproses oleh UMS.

Terma-terma yang terdapat di dalam Notis Perlindungan Data ("Notis") ini seperti "data peribadi", "pemprosesan", "transaksi komersil", dan "orang yang berkaitan" membawa makna yang sama sepertimana yang dinyatakan di dalam Akta. Untuk tujuan Notis ini, ungkapan seperti "kami" adalah merujuk kepada UMS, manakala ungkapan "anda" adalah merujuk dan merangkumi pelajar, bakal pelajar, bekas pelajar, alumni klien, pelanggan, bakal pelanggan, penjual, pembekal, pembekal perkhidmatan dan/atau orang yang berkaitan seperti ibu bapa/penjaga pelajar, bakal pelajar atau bekas pelajar kami, pengarah, kakitangan pelanggan korporat, penjual, pembekal, pembekal perkhidmatan dan wakil sah yang menerima perkhidmatan, mendapatkan perkhidmatan dari ataupun yang memberikan perkhidmatan kepada UMS.

Kami memproses data peribadi anda dan ia termasuk data peribadi orang yang berkaitan. Notis ini hendaklah terpakai kepada orang yang berkaitan dan anda memberi jaminan kepada UMS yang anda mempunyai kuasa atau telah diberi kuasa untuk bertindak dan memberi kebenaran bagi pihak ketiga, dengan menyediakan data peribadi pihak ketiga kepada UMS untuk tujuan dan pendedahan seperti yang dinyatakan di dalam Notis ini dan anda berjanji untuk memberikan salinan Notis ini kepada pihak ketiga. Pemberian Notis ini hendaklah dianggap sebagai notis yang diberikan kepada dan kebenaran yang diperolehi daripada pihak ketiga.

Jenis-jenis Data Peribadi dan Sumbernya

Data peribadi yang disediakan secara sukarela oleh anda, ibu bapa anda, penjaga, agen perekrutan, majikan anda, syarikat anda, penaja, di acara-acara yang dianjurkan atau disertai oleh UMS dan/atau yang telah kami dapatkan dengan sendirinya dari lain-lain sumber-sumber yang sah (sekiranya ada dari depositori awam, direktori perniagaan/direktori atas talian, agensi pelapor kredit, domain awam dan pihak ketiga yang telah diberi kuasa) di dalam borang-borang kami, perjanjian, laman web, dan/atau lain-lain dokumen yang sehubungan dengannya merangkumi maklumat mengenai nama anda, alamat (seperti alamat surat-menyurat dan alamat tetap), nombor telefon (seperti nombor telefon bimbit, rumah dan telefon pejabat), nombor faksimili, alamat e-mel, nombor kad pengenalan, nombor pasport, contoh tandatangan, umur, tarikh lahir, jantina, keturunan, kewarganegaraan, negara asal, nama syarikat, pekerjaan, gaji, jawatan kerja, nombor kad kredit, sejarah kredit, kepercayaan agama, keadaan kesihatan dan maklumat perubatan, maklumat sabitan jenayah, maklumat penaja, maklumat referi (seperti nama referi, jawatan kerja, alamat, nombor telefon dan alamat e-mel), keputusan peperiksaan terdahulu, transkrip akademik, kelayakan akademik, rekod akademik, butiran bank (seperti nama bank, alamat bank dan akaun bank), imej (termasuk gambar) dalam

format audio dan/atau video, televisyen litar tertutup ("CCTV") dan keselamatan rakaman dan semua data yang anda masukkan dalam permohonan anda kepada UMS dalam bentuk resume dan/atau permohonan kerja dan/atau latihan industri dan/atau dalam mendapatkan/memberikan perkhidmatan kepada/daripada UMS (secara kolektif "Data Peribadi"). Dengan memberikan Data Peribadi anda secara sukarela, anda memberi kebenaran untuk kami mengumpul, menggunakan dan memproses Data Peribadi anda.

Anda dengan ini mengesahkan bahawa Data Peribadi yang diberikan oleh anda atau yang diperolehi daripada anda, ibu bapa anda, penjaga, agen perekrutan, majikan anda, syarikat anda dan penaja adalah mencukupi, tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa Data Peribadi tersebut adalah diperlukan oleh kami untuk memberikan perkhidmatan kami kepada anda dan untuk mewujudkan suatu transaksi komersil. Jika anda memilih untuk tidak memberikan Data Peribadi atau jika Data Peribadi tidak mencukupi, tidak tepat, tidak lengkap dan/atau mengelirukan, UMS berkemungkinan tidak dapat memberikan perkhidmatan yang anda perlukan atau tahap perkhidmatan yang anda kehendaki.

Tujuan Pengumpulan Data Peribadi

Bergantung kepada hubungan anda dengan kami (contoh pemohon pekerjaan atau kemasukan pelajar, pelajar, alumni, kakitangan, penderma, pemberi perkhidmatan atau lain-lain orang yang mempunyai kaitan dengan organisasi kami), kami akan memproses Data Peribadi yang berkaitan dengan transaksi komersil bagi mana-mana tujuan yang berikut:

1. Untuk mempertimbangkan kesesuaian kemasukan atau penggajian, pendaftaran atau menggaji, menyediakan kursus latihan dan pendidikan, termasuklah menghantar bahan kursus/penggajian/tugasan/syarahannya, maklumat berhubung jadual dan peperiksaan melalui pengeposan surat, mel elektronik, SMS atau MMS, faks dan/atau panggilan telefon;
2. Menguruskan dan/atau mentadbir hubungan antara UMS (termasuk membalas pertanyaan, pengeposan koresponden, pernyataan atau notis yang melibatkan pendedahan sesetengah data peribadi untuk penyampaian yang sama);
3. Menjalankan usaha yang wajar (*due diligence*) atau lain-lain aktiviti saringan (termasuk semakan latar belakang) selaras dengan obligasi pengurusan atau perundangan atau prosedur pengurusan risiko yang mungkin diperlukan oleh undang-undang atau ditetapkan oleh UMS, termasuklah mendapatkan rujukan dan/atau maklumat daripada institusi pendidikan dan majikan terdahulu;
4. Memproses permohonan untuk biasiswa atau bantuan kewangan, dan sokongan penyelidikan, dan mengurus dan mentadbir biasiswa/bantuan kewangan/geran dan lain-lain program sokongan, yang boleh melibatkan penggunaan data peribadi untuk pembangunan dan aktiviti mengumpul data dan pendedahan data peribadi kepada penderma, pemberi geran, penilai luar dan/atau organisasi luar untuk tujuan laporan

- berkala, jemputan mesyuarat, tinjauan dan/atau publisiti program-program berkaitan dengan UMS;
5. Menyiasat kemungkinan frod, salah laku, perlakuan melanggar undang-undang atau peninggalan, dan menggunakan akses elektronik atau sistem video untuk mempertahankan sekuriti kampus berhubung orang atau harta, kawalan akses dan siasatan aktiviti mencurigakan atau tidak wajar;
 6. Merespon permintaan maklumat daripada kerajaan atau agensi awam, kementerian, badan berkanun atau lain-lain autoriti serupa atau agensi bukan kerajaan yang diberi kuasa untuk melaksanakan perkhidmatan dan tugas Kerajaan secara spesifik;
 7. Melaksanakan penilaian, kajian pasaran atau penyelidikan dan analisis serupa dengannya berhubung strategi operasi UMS dan untuk tujuan perancangan polisi, termasuklah menyediakan data kepada pihak luar untuk menilai program UMS dan kepada institusi pengajian terdahulu pelajar dan kepada institusi perkongsian untuk program diurus bersama;
 8. Jangkauan dan perlakuan untuk mendapatkan sokongan dan sumber untuk UMS, komunitinya, dan institusi bergabung;
 9. Menyokong fungsi UMS termasuk, tetapi tidak terhad kepada, pengajaran dan pembangunan individu dan profesional pelajar, penyelidikan dan pentadbiran UMS;
 10. Memproses dan mentadbir permohonan ke luar Negara program-program pertukaran, sekolah musim panas, latihan luar Negara dan lain-lain aktiviti luar negara dan pengurusan program sedemikian termasuklah mendedahkan maklumat kepada university luar Negara, organisasi penggajian dan latihan;
 11. Memproses, mentadbir dan memberikan penganugerahan hadiah, pingat, biasiswa, kelas-kelas penghormatan dan lain-lain tanda kecemerlangan, dan pelajar atau status konvokesyen, dan penerbitan atau pelepasan maklumat terhadap yang sama;
 12. Menghubungi alumni termasuk tetapi tidak terhad kepada pemberitahuan kepada UMS dan inisiatif dan aktiviti berkaitan alumni, jemputan kepada UMS dan acara berkaitan alumni, mengemaskini maklumat alumni, jemputan untuk menyertai kajian alumni dan menghantar komunikasi kolateral;
 13. Memproses permohonan dan aktiviti pendaftaran berkaitan kesihatan, insuran hayat dan perlancongan dan pemberian perkhidmatan termasuklah penempatan kampus dan perkhidmatan berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut;
 14. Memproses permohonan untuk dan pentadbiran aktiviti berkaitan kerjaya di dalam dan luar negara, program, latihan, peluang kerjaya, dan bimbingan kerjaya, dan perkongsian maklumat dengan syarikat-syarikat (samada dalam atau luar negara) untuk tujuan

pengambilan, latihan, sangkutan industri, pemberian jawatan dan sokongan penyelidikan;

15. Membantu penyertaan dalam kehidupan pelajar dan pembangunan alumni yang melibatkan sosial, kebudayaan, kesukanan dan aktiviti pengajian, acara, sukarela dan program latihan, keanggotaan pelajar dan kedudukan kepimpinan dalam kelab, persatuan, majlis dan kediaman, dan aktiviti orientasi/penerimaan;
16. Lain-lain tujuan yang akan UMS maklumkan secara bertulis dari semasa ke semasa, atas sebab yang mana UMS akan meminta kebenaran secara berasingan;
17. untuk memudahkan transaksi komersil dengan anda dan untuk memenuhi obligasi kontraktual kepada anda di dalam penyediaan apa-apa perjanjian yang berkaitan (jika ada) dan untuk mengekalkan akaun dan rekod kami di dalam urusan perniagaan biasa kami;
18. untuk memudahkan transaksi komersil dengan anda dan untuk memenuhi obligasi kontraktual kepada anda termasuk tetapi tidak terhad kepada menilai permohonan/permintaan anda untuk mendapatkan perkhidmatan kami, untuk memproses permohonan kemasukan dan untuk menyediakan perkhidmatan akademik yang berterusan, perkhidmatan pendidikan, perkhidmatan pelajar, perkhidmatan kemudahan untuk menyediakan perkhidmatan sampingan seperti permohonan visa dan perlindungan insurans, penyelenggaraan akaun dan rekod kami sendiri di dalam urusan perniagaan biasa kami;
19. untuk mengesahkan identiti anda, menjawab pertanyaan, mengemaskini rekod anda, memproses bayaran tuisyen dan lain-lain bayaran yang berkenaan dan invois, resit, mengutip hutang, menyediakan lain-lain barangan dan perkhidmatan seperti yang diminta di dalam urusan perniagaan biasa kami;
20. untuk memudahkan keperluan khas seperti yang berkaitan dengan apa-apa ketidakupayaan atau keadaan kesihatan;
21. untuk berkomunikasi dengan anda melalui SMS, panggilan telefon, e-mel, faksimili, surat-menyurat dan/atau sebarang saluran komunikasi lain yang bersesuaian;
22. untuk berkomunikasi dengan ibu bapa, penjaga dan wakil-wakil yang diberi kuasa sekiranya berlaku kecemasan atau kemalangan;
23. untuk memaklumkan kepada ibu bapa, penjaga, majikan anda, syarikat anda, penaja dan wakil-wakil yang diberi kuasa mengenai kemajuan pelajar dan permohonan kemasukan bakal pelajar, kemajuan akademik dan pendidikan pelajar, semua aktiviti relevan termasuklah majlis konvokesyen anda dan tidak terhad kepada aktiviti-aktiviti

UMS dalam menjalankan fungsi-fungsinya sebagaimana diperuntukkan oleh Perlembagaan UMS dan Akta Universiti dan Kolej Universiti ('AUKU') 1971, yuran pengajian pelajar dan lain-lain bayaran yang berkaitan;

24. untuk memberitahu anda dan memberikan anda maklumat mengenai produk kami, barangan, kemudahan, perkhidmatan, acara akan datang yang diminta oleh anda melalui SMS, panggilan telefon, e-mel, faksimili, surat-menyurat dan/atau lain-lain saluran komunikasi yang bersesuaian melainkan anda telah sebaliknya memberitahu kami bahawa anda tidak mahu kami memproses Data Peribadi anda untuk tujuan tersebut ke alamat seperti yang dinyatakan di perenggan bawah Notis ini;
25. untuk menyediakan anda dengan risalah kami, terbitan berkala, pertandingan dan/atau tinjauan melalui SMS, panggilan telefon, e-mel, faksimili, surat-menyurat dan/atau lain-lain saluran komunikasi yang bersesuaian melainkan anda telah sebaliknya memberitahu kami bahawa anda tidak mahu kami memproses Data Peribadi anda untuk tujuan tersebut ke alamat seperti yang dinyatakan di perenggan bawah Notis ini;
26. menjalankan pemeriksaan yang bersesuaian untuk kredit-kepercayaan di dalam urusan perniagaan biasa kami;
27. untuk menjalankan kajian pemasaran dan analisis corak pendidikan pelajar;
28. pendedahan awam dan penggunaan Data Peribadi anda, imej, gambar, rakaman suara dan video untuk tujuan publisiti tanpa bayaran atau pampasan;
29. untuk siasatan dalaman, tujuan audit atau tujuan keselamatan;
30. penggunaan sistem CCTV bagi pencegahan jenayah;
31. untuk menguatkuasakan hak kontraktual dan hak undang-undang serta obligasi; dan
32. untuk memenuhi keperluan undang-undang dan keperluan peraturan.

Pendedahan Data Peribadi (di dalam dan/atau di luar Malaysia)

Di dalam memberikan perkhidmatan-perkhidmatan yang anda perlukan, anda dengan ini memberikan kebenaran dan kuasa kepada kami untuk mendedahkan Data Peribadi anda kepada pihak-pihak seperti yang berikut (di dalam dan/atau di luar Malaysia):

- pekerja kami, perunding, akauntan, juruaudit, peguam, penasihat, agen, kontraktor, penjual, rakan kongsi pemasaran bersama, pembekal perkhidmatan, syarikat-syarikat

insurans, pedagang dan/atau institusi kewangan untuk membekalkan sokongan dan perkhidmatan;

- Kementerian Pendidikan dan/atau Kementerian Pengajian Tinggi, Agensi Kelayakan Malaysia, lain-lain jabatan kerajaan/agensi yang berkaitan, pihak berkuasa berkanun dan anak syarikat Kementerian Pendidikan;
- UMS Investment Holdings Sdn. Bhd., Yayasan Universiti Malaysia Sabah (YUMS), dan Koperasi UMS Berhad (KoUMS);
- Kampus induk Kota Kinabalu UMS dan kampus-kampus cawangan UMS;
- Institusi-institusi akademik;
- Kedutaan-kedutaan asing dan agensi-agensi yang dilantik oleh kedutaan asing;
- Jabatan Imigresen Malaysia;
- penaja anda termasuk ibu bapa dan/atau penjaga;
- syarikat yang menyediakan penempatan, latihan dan peluang pekerjaan;
- badan-badan profesional, badan-badan akreditasi atau badan kawal selia berkanun;
- ahli keluarga terdekat anda dan/atau seseorang yang boleh dihubungi semasa kecemasan sebagaimana yang dimaklumkan kepada pihak Universiti dari semasa ke semasa;
- di mana dikehendaki oleh undang-undang, proses undang-undang, pertanyaan daripada pihak berkuasa yang berkenaan dan/atau perkara yang berkaitan dengan hidup dan mati, keselamatan atau harta seseorang individu atau keselamatan atau harta Universiti;
- orang ramai dengan menyiarkan imej, gambar, suara dan rakaman video anda untuk tujuan publisiti tanpa bayaran atau pampasan.

Hak Akses dan/atau Membetulkan Data Peribadi

Anda berhak untuk:

- menyemak sama ada kami menyimpan Data Peribadi anda dan memohon untuk mengakses pada masa yang sama;

- membetulkan sebarang Data Peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap dan tidak dikemaskinikan;
- menarik balik sepenuhnya atau sebahagiannya kebenaran yang telah anda berikan kepada kami sebelum ini, tertakluk kepada syarat-syarat kontrak dan juga sebarang sekatan undang-undang;
- menyampaikan kepada kami bantahan anda atas kegunaan Data Peribadi anda bagi tujuan pemasaran.

Sekiranya anda ingin memohon untuk mengakses atau membuat pembetulan ke atas Data Peribadi anda atau menghadkan pemprosesan Data Peribadi anda, segala pertanyaan atau aduan boleh dikemukakan, mengikut mana yang sesuai kepada:

Pegawai Perlindungan Data Peribadi UMS
Universiti Malaysia Sabah
Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia

e-mail : pdpa@ums.edu.my [***Sila masukkan email pegawai yang diberi tanggungjawab untuk menyimpan dan menyelenggara data peribadi yang berkenaan*]

Anda dikehendaki membuat permohonan anda secara bertulis atas sebab-sebab keselamatan dan bagi tujuan pengesahan. Selaras dengan peruntukan Akta, kami akan mengenakan fi yang telah ditetapkan bagi kesemua permohonan untuk mengakses Data Peribadi yang dilakukan oleh anda.

Sekiranya kami menolak permohonan anda untuk mengakses dan/atau membuat pembetulan ke atas Data Peribadi anda, kami akan memberitahu anda sebab-sebab penolakan permohonan tersebut.

Perubahan pada Data Peribadi

Kami akan memastikan agar Data Peribadi anda adalah tepat, lengkap dan merupakan maklumat yang terkini. Oleh itu, sekiranya terdapat sebarang perubahan pada Data Peribadi anda, anda hendaklah menghubungi kami secara terus kepada alamat seperti yang telah tertera di atas.

Pengubahsuaian pada Notis

Kami akan menyemak dan mengemaskini Notis ini dari semasa ke semasa, berdasarkan kepada perubahan yang dilakukan di dalam Akta. Versi Notis yang terkini akan disediakan kepada anda sekiranya anda membuat permintaan di alamat yang dinyatakan di atas atau ianya juga boleh

didapati di www.ums.edu.my. Dengan menerima perkhidmatan, mendapatkan perkhidmatan dari ataupun memberikan perkhidmatan secara berterusan kepada **UMS**, segala pengubahsuaian atau perubahan pada Notis ini merupakan penerimaan anda terhadap segala pengubahsuaian atau perubahan pada Notis ini.

Konflik

Sekiranya terdapat apa-apa ketidakselarasan di antara Notis versi Bahasa Inggeris dan juga versi Bahasa Malaysia, Notis versi Bahasa Inggeris hendaklah digunapakai dan didahulukan dari Notis versi Bahasa Malaysia.

Data Protection Notice

The Personal Data Protection Act, 2010 (“Act”) regulates the processing of personal data in commercial transactions. The Act requires Universiti Malaysia Sabah (“UMS”) to inform you about personal data that is collected from you and processed by UMS.

The terms “personal data”, “processing”, “commercial transactions” and “relevant person” used in this Data Protection Notice (“Notice”) shall have the meaning prescribed in the Act. For the purposes of this Notice, the expression “we” or “us” shall refer to UMS, whilst, the expression “you” or “your” shall refer and include the student, potential student, former student, client, customers, potential customers, vendors, suppliers, service providers and/or relevant person such as parent/guardian of our student, potential student or former student, directors, employees of corporate customers, vendors, suppliers, service providers and authorized representatives receiving, obtaining services from or providing services to the UMS.

We process your personal data including personal data of any relevant person. This Notice shall apply to the relevant person and you warrant to the UMS that you have the authority or have been authorized to act and give consent on behalf of the third party, to the provision of personal data of the third party to UMS for the purposes and disclosure as stated in this Notice and you undertake to extend a copy of this Notice to the third party. The provision of this Notice shall be deemed as notice given to and consent obtained from the third party.

Types of Personal Data and Sources of Personal Data

The personal data voluntarily provided by you, your parents, guardians, recruitment agents, your employer, your company, your sponsor, at events organized or participated by the University and/or obtained independently by us from other lawful sources (if any such as from public depositories, trade/online directories, credit reporting agencies, public domain and other authorized third parties) in our forms, agreements, website, and/or other similar documents may include information concerning your name, address (such as correspondence and permanent address), phone numbers (such as handphone, home and office phone numbers), facsimile numbers, email address, identity card number, passport number, specimen signature, age, date of birth, gender, race, nationality, country of permanent residence, company name, occupation, salary, job position, credit card number, credit history, religious belief, medical conditions and details, criminal conviction information, sponsoring body details, referee information (such as name of referee, job position, address, contact number and email address), previous examination results, transcripts, academic qualifications, academic records, bank details (such as name of bank, bank’s address and bank account number), images (including photographs) information in audio and/or video format, closed-circuit television (“CCTV”) and security recording and all data(s) you included therein your application to UMS in

form of resume and/or job application and/or industrial attachment and/or in obtainment of service(s) for/from UMS (collectively “Personal Data”). By voluntarily providing us your Personal Data, you are giving consent for us to collect, use and process your Personal Data.

You hereby confirm that the Personal Data given by you or obtained from you, your parents, guardians, recruitment agents, your employer, your company and sponsor is sufficient, accurate, complete and not misleading and that such Personal Data is necessary for us to provide our services to you and to establish a commercial transaction. If you choose not to provide such Personal Data or if such Personal Data is insufficient, inaccurate, incomplete and/or misleading, the University may not be able to provide you with the services you require or the required level of service.

Purposes of Collecting Personal Data

Depending on your relationship with us (e.g. as an applicant, student, alumnus, staff, donor, vendor, service provider, or other person relating to our organisation), we will process Personal Data in connection with any commercial transactions for any of the following purposes:-

1. Evaluating suitability for admission or employment, enrolling or employing, providing educational courses and training, including sending materials on course/study/assignment/lecture materials, information on time tables and examination details via postal mail, electronic mail, SMS or MMS, fax and/or voice calls;
2. Administering and/or managing relationships with UMS (including responding to enquiries, the mailing of correspondence, statements or notices which could involve the disclosure of certain personal data to bring about delivery of the same);
3. Carrying out due diligence or other screening activities (including background checks) in accordance with legal or regulatory obligations or risk management procedures that may be required by law or put in place by UMS, including the obtaining of references and/or other information from prior educational institutions and employers;
4. Processing application(s) for scholarships and/or financial aid, and research support, and administering and managing scholarship/financial aid/grant and other support programmes, which may include use of personal data for development and fund raising activities and disclosure of personal data to donors, grantors, external evaluators and/or external organisations for purposes of periodic reports, event invitations, surveys and/or publicity of UMS’ related programmes;
5. Investigating possible fraud, misconduct, unlawful action or omission, and utilizing electronic access and video systems to maintain campus security of persons or property, control access and investigate suspicious or inappropriate activities;

6. Responding to requests for information from government or public agencies, ministries, statutory boards or other similar authorities or non-government agencies authorised to carry out specific Government services or duties;
7. Carrying out market-related, evaluative or similar research and analysis for UMS' operational strategy and policy planning purposes, including providing data to external parties for university programme evaluation and to students' former academic institutions and to partner institutions for jointly-administered programmes;
8. Outreach and engagement to garner support and resources for UMS, its community and affiliated institutions;
9. Supporting UMS functions including, but not restricted to, the teaching and personal and professional development of students, research and administration of UMS;
10. Processing and administering applications for overseas exchange programmes, summer school, overseas internships and other overseas activities and administering such programmes including disclosure of information to overseas universities, employing and training organisations;
11. Processing, administering and conferring awards of prizes, medals, scholarships, classes of honours and other marks of distinction, and student or graduation status, and publication or releasing of information on the same;
12. Engaging alumni including but not limited to notification on UMS and alumni-related initiatives and activities, invitation to UMS and alumni-related events, updating of alumni information, invitation to participate in alumni surveys and sending of communication collaterals;
13. Processing applications and enrolment activities related to health, life and travel insurance and service provision as well as university-related concession cards, and campus accommodation and administering matters related to use of these services;
14. Processing applications for and administering local and overseas career related activities, events, programmes, internships, employment opportunities, and career coaching, and sharing information with companies (whether local or overseas) for purposes of recruitment, internship , industrial attachment, job placement and research support;
15. Facilitating participation in student life and alumni development opportunities which may include social, cultural, athletic, and educational activities, events, volunteering and

training programmes, student membership and leadership positions in clubs, societies, halls and residences, and orientation/reception activities;

16. Any other purposes which UMS may inform you of in writing from time to time, but for which UMS will seek your separate consent.
17. to facilitate commercial transactions with you and fulfill contractual obligations to you in the preparation of any relevant agreements (if any) and for maintaining our own accounts and records in the ordinary course of our business;
18. to facilitate commercial transactions with you and fulfill contractual obligations to you including but without limitation to assess your application/request for our services, to process your application for admission and to provide continuous academic, educational, student, facilities services, to provide ancillary services such as visa application and insurance coverage, maintaining our own accounts and records in the ordinary course of our business;
19. to verify your identity, responding to requests, updating your records, processing of tuition and other relevant payment and invoices, receipts, collecting debts, provide other requested goods and services in the ordinary course of our business;
20. to facilitate special requirements such as those relating to any disability or medical condition;
21. to communicate with you via SMS, phone call, email, fax, mail and/or any other appropriate communication channels;
22. to communicate with parents, guardians and authorized representatives in the event of emergency or accident;
23. to inform parents, guardians, employers, companies, sponsors and authorized representatives about the progress of the student and potential student application for admission, student's academic and educational progress, all relevant activities including your convocation and not limited to UMS activities in discharging its functions' as provided by UMS Constitution and the Universities and University Colleges Act ('UCCA') 1971 student's tuition fees and other relevant payments;
24. to notify you of and provide you with information about our products, goods, facilities, services, upcoming events that you request via SMS, phone call, email, fax, mail and/or any other appropriate communication channels unless you have otherwise notified us that you do not wish for us to process your Personal Data for such purpose at the address stated below in this Notice;

25. to provide you with our newsletters, periodicals, contests and/or surveys via SMS, phone call, email, fax, mail and/or any other appropriate communication channels unless you have otherwise notified us that you do not wish for us to process your Personal Data for such purpose at the address stated below in this Notice;
26. conduct appropriate checks for credit-worthiness in the ordinary course of our business;
27. to conduct marketing survey and analysis of student educational patterns;
28. public disclosure and use of your Personal Data, images, photographs, voice and video recording for publicity purposes without payment or compensation;
29. for internal investigations, audit or security purposes;
30. the use of CCTV systems for crime prevention;
31. to enforce contractual and legal rights and obligations; and
32. to meet legal and regulatory requirements.

Disclosure of Personal Data (Within and/or Outside Malaysia)

In order to deliver the services you require, you hereby consent and authorize us to disclose your Personal Data to the following parties (within and/or outside Malaysia):-

- our employees, consultants, accountants, auditors, lawyers, advisers, agents, contractors, vendors, co-marketing partner, service providers, insurance companies, merchants and/or financial institutions to provide support and services;
- The Ministry of Education and/or Ministry of Higher Education, Malaysian Qualifications Agency, other relevant government departments/agencies, statutory authorities and subsidiaries of Ministry of Education;
- UMS Investment Holdings Sdn. Bhd., Yayasan Universiti Malaysia Sabah (YUMS), dan Koperasi UMS Berhad (KoUMS);
- UMS Kota Kinabalu Main Campus and Brach Campus(es) UMS;
- academic institutions;
- foreign embassies and agencies appointed by the foreign embassies;
- Malaysian Immigration Department;

- your sponsors including parents and/or guardians;
- companies providing placement, internship, attachment and employment opportunities;
- professional bodies, accreditation bodies or statutory regulatory bodies;
- your immediate family members and/or emergency contact person as may be notified to the University from time to time;
- where required by law, legal processes, queries from the relevant authorities and/or matters relating to the life and death, security or property of an individual or the security or property of the University;
- the general public by publishing your images, photographs, voice and video recording for publicity purposes without payment or compensation.

Right to Access and/or Correct Personal Data

You have the right to:-

- check whether we hold your Personal Data and request access to the same;
- correct any Personal Data that is inaccurate, incomplete and outdated;
- withdraw in full or in part your consent subject to any contractual conditions and legal restrictions;
- communicate to us your objection to the use of your Personal Data for marketing purposes.

If you would like to request for access to or correction of your Personal Data or limit the processing of your Personal Data, make any inquiries or complaints, you may contact:

UMS Data Protection Officer
 Universiti Malaysia Sabah
 Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu
 Sabah, Malaysia

e-mail : pdpa@ums.edu.my [****kindly insert data protection officer's email that will be assigned to keep and regulate *personal data entrusted to UMS***]

You are to put your request in writing for security reasons and verification purposes. In accordance with the Act, we will charge prescribed processing fee for all Personal Data access request made by you.

In the event we refuse to adhere to your request for access and/or correction to your Personal Data we will inform you of our reason for the refusal.

Changes to Personal Data

We will ensure your Personal Data is accurate, complete and up-to-date. Therefore, we request that if there are changes to your Personal Data you should notify us directly at the contact details set out above.

Modification of the Notice

We may review and update this Notice from time to time to reflect changes in the Act. The latest version of the Notice will be made available upon your request at the above address or available at www.ums.edu.my. By continuing receiving, obtaining services from or providing services to the University following the modifications or changes to this Notice shall signify your acceptance to such modifications or changes.

Conflict

In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.